

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WIRA HAJI MOHD ANUAR MOHD
TAHIR [TEMERLOH]**

TARIKH : 01 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesiapsiagaan agensi-agensi Kerajaan, pemberitahuan serta pendidikan kepada rakyat bagi menghadapi musim tengkujuh tahun ini. Ini supaya kerosakan harta benda dikurangkan, kehilangan nyawa dielakkan serta kesediaan logistik yang mantap.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) 2021/2022, kesiapsiagaan agensi-agensi Kerajaan adalah seperti yang berikut:

- a) Jabatan Kerja Raya akan mengenalpasti dan memantau jalan yang pernah dibanjiri atau mengalami runtuh cerun, berhampiran sungai dan di kawasan rendah yang mungkin terjejas.
- b) Agensi-agensi *responder* mempunyai seramai 66,105 orang petugas, 8,374 buah kenderaan darat dan air serta 20,644 aset bukan kenderaan (jaket keselamatan, set generator dan lain-lain).
- c) Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan 5,731 buah pusat pemindahan sementara untuk memuatkan 1,628,512 orang mangsa, lapan Depot Simpanan Keperluan Bencana, 165 buah stor bencana / mini depot / kontena dan 521 buah pangkalan hadapan.
- d) Jabatan Meteorologi Malaysia dan Jabatan Pengairan dan Saliran telah menyampaikan taklimat MTL kepada agensi pengurusan bencana negeri dan daerah. Jabatan-jabatan berkenaan juga akan memastikan penyaluran maklumat dan ramalan cuaca serta jangkaan hujan lebat disampaikan di media massa.
- e) Jabatan Pengairan dan Saliran mempunyai 1,180 stesen telemetri, 600 siren, 1,571 batang tolok lurus dan 68 buah webkamera dan akan menyelenggara sungai, projek tebatan banjir dan siren amaran banjir.

NO. SOALAN : 14

- f) Setiap Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) telah dimohon untuk melaksanakan simulasi bencana, menyelaraskan aset, logistik dan sumber manusia, melibatkan badan korporat, NGO & individu, mengaktifkan segera Pusat Kawalan Operasi Bencana semasa bencana serta menggerakkan aset air, darat dan udara bila diperlukan.
- g) Semua Pihak Berkuasa Tempatan dimohon menyelenggara sistem perparitan untuk mengelakkan bencana banjir.
- h) Semua pemilik empangan dimohon memaklumkan pelepasan air dengan lebih awal kepada agensi-agensi berkaitan untuk tindakan.
- i) NADMA dengan kerjasama syarikat-syarikat telekomunikasi akan meneruskan inisiatif penyampaian amaran banjir melalui sistem pesanan ringkas (SMS) kepada penduduk di kawasan berisiko banjir dengan kerjasama JPS melalui Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN).
- j) Kementerian Kesihatan Malaysia telah dimohon memastikan Pejabat Kesihatan Daerah berkongsi data mereka yang dikuarantin di rumah untuk mengelakkan penularan COVID-19.

Sekian, terima kasih.